

## BE Bold, BE International

**RCCA Elaiyakumaran**  
(Bekas Perunding IT)

**Shangeri AP K.Rengara Joo**  
(Pegawai Perubatan)



Selepas lebih 15 tahun dalam perniagaan MLM, mimpi terbesar Elaiyakumaran (Kumar) adalah untuk mengembang secara global untuk membantu lebih ramai orang mencapai apa yang telah dicapainya. Sementara itu, impian Shangeri senantiasa merupakan kejayaan kerjaya dan kewangan, dan untuk melancong ke seluruh dunia untuk membantu orang lain mencapai kesihatan yang lebih baik.

### **Suami: Saya mahu mengembang sehingga arena antarabangsa**

“Orang terkaya di dunia mencari dan membina rangkaian; orang selainnya mencari kerja.” Itulah kata-kata seorang usahawan yang berjaya yang mengilhamkan Kumar untuk berhenti dari kerja pejabat 5 tahunnya demi perniagaan MLM 13 tahun yang lalu. Sejak itu, beliau membina suatu kerjaya MLM yang berjaya di Malaysia dan mencapai keinginannya - kehidupan yang lebih baik untuk ibunya, dan kebebasan kewangan dan masa.

Tidak puas sekadar itu, beliau kini menyasar kepada dunia, dan BE sedang membantunya. “Saya ingin mengembang secara antarabangsa, melampaui zon selesa saya. BE bukan hanya membekalkan produk yang luar biasa dan E-platform, tetapi kami juga mempunyai satu faktor kejayaan yang tidak ternilai - pengasas kami. Mereka ialah pemimpin yang berjaya dengan pengalaman MLM yang berpuluh-puluh tahun, dan mereka memimpin kami dengan satu misi fokus - untuk pergi 'Beyond Inspiring Minds, Touching Lives for Eternity'. Di BE, kami senantiasa mempelajari perkara baharu dan impian kami semakin besar hari demi hari.”





## Isteri: Kesihatan ialah tumpuan utama saya

Seorang pegawai perubatan Shangeri mendukung pendirian mengubati orang dengan tidak bergantung semata-mata kepada ubat-ubatan, tetapi rawatan tidak invasif yang terbukti selamat. “Produk BE, terutamanya seluar Aulora, telah membantu menyelesaikan banyak masalah kesihatan. Sesuatu yang luar biasa mesti dikongsi,” tegasnya.

“Tumpuan saya adalah untuk membantu orang ramai. Saya bertemu dengan orang yang berlainan dari pelbagai latar belakang yang mendambakan perubahan, yang bertekad untuk berjaya dalam kehidupan mereka. Apa lagi yang lebih memuaskan daripada membantu mereka?”



## Pasangan: BE ialah jawapan kepada pencarian kami

“Gaji terakhir saya sebagai pekerja upah ialah RM2760 dan saya mengambil masa 5 tahun untuk mencapainya. Sekiranya saya meneruskan kerja saya, saya mungkin menjana RM5000-6000 sebulan sekarang. Tetapi dalam MLM, pendapatan anda boleh berganda daripada jumlah itu, tetapi ia mesti dengan syarikat yang betul,” kata Kumar.

Kini, MLM dianggap sebagai suatu kerjaya yang berdaya maju, tidak seperti tahun-tahun yang lalu di mana orang akan berkerut apabila mendengar “jualan langsung”. Dengan perniagaan dalam talian yang semakin berkembang, meletakkan MLM pada platform dalam talian telah menjadi suatu megatrend!

“Ramai orang terlibat dalam industri MLM kerana ia menjadi pengetahuan umum bahawa MLM merupakan cara yang hebat untuk mencapai kebebasan kewangan dan masa. Persoalannya ialah: Syarikat manakah yang akan membantu anda berjaya paling pantas? dan sejauh mana anda boleh berkembang? Sesiapa sahaja boleh berjaya dalam MLM tetapi berapa lama diperlukan dan sejauh mana anda boleh capai?”



Kumar menyimpulkan: **“Kuncinya adalah untuk memilih platform yang betul, pemimpin yang betul untuk diikuti, dan pasukan yang betul untuk bekerjasama.** Bayangkan saya telah membazir selama 5 ke 10 tahun di platform yang salah. Sangat membazir! Bekerja keras, bekerja pintar. Di BE, anda boleh menjangkau puluhan ribu orang di seluruh dunia dan menjadi inspirasi mereka!”